



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PENGGUNAAN TELEFON PINTAR TERHADAP KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH DARIPADA ASPEK AKADEMIK DI PERLIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURHANANI BINTI RIDZUAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PENGGUNAAN TELEFON PINTAR TERHADAP KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH DARIPADA ASPEK AKADEMIK DI PERLIS

NURHANANI BINTI RIDZUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

I

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...15...(hari bulan) OKTOBER.. (bulan) 2020.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURHANANI BINTI RIDZUAN, M20172001764, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PENGGUNAAN TELEFON PINTAR TERHADAP KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH DARIPADA ASPEK AKADEMIK DI PERLIS

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



nurhanani

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MOHD HAFIZ BIN MD HANIF (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PENGGUNAAN TELEFON PINTAR TERHADAP KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH DARIPADA ASPEK AKADEMIK DI PERLIS

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 OKTOBER 2020

Tarikh

Dr. Mohd Hafiz bin Md Hanif

Tandatangan Penyelia

Ditulis pada 15 Oktober 2020

Dr. Mohd Hafiz bin Md Hanif

Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH PENGGUNAAN TELEFON PINTAR TERHADAP KEMENJADIAN MURID
SEKOLAH RENDAH DARIPADA ASPEK AKADEMIK DI PERLIS

No. Matrik / Matic's No.: M20172001764

Saya / I : NURHANANI BINTI RIDZUAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

nurhanani - - - .

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 31 DISEMBER 2020


Nurhanani Binti Riduan
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkennaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

“ Dan tiadalah kamu berkemahanan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya) ”

(Surah Al-Insaan, 30)

Syukur Alhamdullilah, segala puji bagi Allah S.W.T yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas izin dan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan disertasi ini sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Instruksional).

Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung sepanjang tempoh saya menyiapkan penyelidikan ini terutamanya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis serta semua sekolah, guru dan murid yang terlibat dalam kajian ini.



Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada penyelia penyelidikan saya iaitu Dr. Mohd Hafiz Bin Md Hanif atas kepercayaan dan sokongan yang berpanjangan sejak dari awal hingga saya berjaya menyiapkan kajian ini sepenuhnya.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan serta seluruh ahli keluarga saya terutama ayah dan ibu yang tercinta. Kepada ayah Ridzuan Bin Hashim, terima kasih kerana menjadi pendorong saya sampai di peringkat ini. Kepada ibu Fauziah Binti Basaruddin, terima kasih kerana tidak putus-putus memberikan semangat dan menitip doa buat saya siang dan malam sepanjang jatuh bangun saya bersama penyelidikan ini. Sekali lagi jutaan terima kasih saya ucapkan!

Terakhir, buat yang teristimewa Raja Muhammad ‘Arif Fadlullah Bin Raja Tajuddin, jutaan terima kasih saya ucapkan kerana sentiasa ada bersama saya, menjadi tulang belakang dan tidak jemu menitip dorongan untuk saya berusaha dan tidak putus asa sepanjang berada di jalan ilmu ini.

Sesungguhnya, tiada apa yang boleh saya balas untuk menandingi dan menghargai jasa baik serta doa daripada kalian semua. Semoga Allah S.W.T memberkati dan merahmati jasa kalian semua dari awal hingga akhir di dunia dan juga di akhirat.

InsyaAllah...

Nurhanani Ridzuan
nurhananiridzuan@yahoo.com





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah daripada aspek akademik di Perlis. Model pembelajaran Abad Ke-21 telah digunakan sebagai asas teori di mana aspek kemenjadian murid iaitu pengetahuan, perwatakan dan kompetensi telah digunakan sebagai pembolehubah utama. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan rentas sebagai reka bentuk kajian dan satu set borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 420 responden murid Tahun 6 yang dipilih secara persampelan rawak berstrata daripada 15 buah sekolah rendah di Perlis. Data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu peratusan, min, sisihan piaawai, korelasi Pearson dan regresi. Dapatkan kajian menunjukkan responden bersetuju ($\text{Min}=2.86$, $\text{SP}=0.45$) bahawa penggunaan telefon pintar untuk tujuan akademik adalah sederhana. Data juga menunjukkan majoriti responden (54.2%) belum mencapai tahap prestasi yang memuaskan. Hasil ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan tetapi lemah ($r=-0.197$; $p<0.01$) antara penggunaan telefon pintar dengan kemenjadian murid daripada aspek akademik. Analisis regresi pula menunjukkan pengaruh penggunaan telefon pintar yang lemah ($\beta=-0.197$; $p<0.01$) dalam meramalkan kemenjadian murid sekolah rendah daripada aspek akademik. Kesimpulannya, dapatkan utama kajian menunjukkan penggunaan telefon pintar mempunyai hubungan yang lemah dengan kemenjadian murid sekolah rendah daripada aspek pencapaian akademik. Implikasi kajian mencadangkan agar aplikasi telefon pintar yang baharu dibangunkan untuk memperkasa kemenjadian murid dengan meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid sekolah rendah berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21.





THE INFLUENCE OF SMARTPHONE USAGE ON PRIMARY PUPILS' OUTCOMES IN AN ACADEMIC ASPECT IN PERLIS

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the influence of smartphone usage on primary pupils' outcomes in an academic aspect in Perlis. The 21st Century Learning Model was used as an underpinning theory where the aspect of academic performance such as knowledge, character and competence were the main variables. This study utilised the cross-sectional survey as a research design and a set of questionnaire was used as an instrument. A stratified random sampling of 420 Year-6 pupils was selected from 15 primary schools in Perlis. Data collected from this study were analysed using descriptive and inferential statistic such as percentage, mean, standard deviation, Pearson correlation and regression. The findings showed that the respondents agreed ($M=2.86$; $SD=0.45$) that their smartphone usage was at a moderate level. The data also illustrated that the majority of the respondents (54.2%) have poor academic performance. Also, the results of the Pearson correlation test showed that there was a weak but significant negative relationship ($r=-0.197$; $p<0.01$) between the use of smartphones and the pupils' outcomes in terms of academic performance. Regression analysis showed a weak influence on the use of smartphone ($\beta=-0.197$; $p<0.01$) in predicting the academic performance of the primary pupils. In conclusion, the main finding of the study showed that the use of smartphone has a weak relationship with the pupils' outcomes in terms of academic performance. In implication the study suggests that new smartphone application need to be developed to enhance learning outcomes of the primary school pupils based on the 21st Century Learning Model.





KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.8.1 Pihak Kementerian Dan Badan Kerajaan	14
1.8.2 Sektor Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan	15





1.8.3 Pihak Sekolah	15
1.8.4 Ibu Bapa	16
1.9 Definisi Istilah	17
1.9.1 Definisi Pengaruh	17
1.9.2 Definisi Penggunaan	18
1.9.3 Definisi Telefon Pintar	18
1.9.4 Definisi Penggunaan Telefon Pintar	19
1.9.5 Definisi Pengaruh Penggunaan Telefon Pintar	19
1.9.6 Definisi Kemenjadian Murid	20
1.9.7 Definisi Akademik	20
1.9.8 Definisi Kemenjadian Murid Dari Aspek Akademik	21
1.10 Batasan Kajian	21
1.10.1 Batasan Dari Aspek Kaedah Kajian	22
1.10.2 Batasan Dari Aspek Persampelan Kajian	22
1.10.3 Batasan Dari Aspek Pelaporan Kajian	23
1.10.4 Batasan Dari Aspek Penggunaan Telefon Pintar	24
1.11 Rumusan	24

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	26
2.2 Telefon Pintar	27
2.2.1 Sejarah Kewujudan Dan Perkembangan Telefon Pintar	27
2.2.2 Statistik Penggunaan Telefon Pintar	30
2.2.2.1 Luar Negara	30





2.2.2.2 Dalam Negara	31
2.2.3 Fungsi Telefon Pintar	31
2.2.3.1 Bagi Tujuan Bukan Pendidikan	32
2.2.3.2 Bagi Tujuan Pendidikan	33
2.2.4 Senario Penggunaan Telefon Pintar Dalam Institusi Pendidikan	35
2.2.4.1 Luar Negara	35
2.2.4.2 Dalam Negara	38
2.2.5 Kebaikan Penggunaan Telefon Pintar Dalam Bidang Pendidikan	41
2.2.6 Keburukan Penggunaan Telefon Pintar Dalam Bidang Pendidikan	44
2.3 Kemenjadian Murid	48
2.3.1 Peranan Pelbagai Pihak Untuk Membentuk Kemenjadian Murid Dari Aspek Akademik	53
2.3.1.1 Pihak Kementerian Dan Badan Kerajaan	54
2.3.1.2 Sektor Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan	55
2.3.1.3 Pihak Sekolah	56
2.3.1.4 Ibu Bapa / Penjaga	58
2.3.2 Perkaitan Telefon Pintar Dengan Kemenjadian Murid Sekolah Rendah Dari Aspek Akademik	60
2.3.3 Pengukuran Kemenjadian Murid	63
2.3.4 Pengukuran Kemenjadian Murid Dari Aspek Akademik	66
2.4 Teori dan Model Berkaitan Kajian	70
2.4.1 Teori Penyebaran Inovasi	70
2.4.2 Teori <i>Task-Technology Fit</i> (TTF)	76
2.4.3 Teori dan Model Kemenjadian Murid	77





2.5 Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Penggunaan Telefon Pintar Terhadap Prestasi Akademik	82
2.5.1 Luar Negara	83
2.5.2 Dalam Negara	85
2.6 Rumusan	86

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	88
3.2 Reka Bentuk Kajian	89
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	90
3.4 Kaedah Persampelan	93
3.5 Prosedur Menjalankan Kajian	98
3.6 Instrumen Kajian	99
3.6.1 Bahagian A: Demografi	101
3.6.2 Bahagian B: Penggunaan Telefon Pintar	101
3.6.3 Bahagian C: Prestasi Akademik	104
3.7 Kajian Rintis	105
3.7.1 Kesahan Kajian	107
3.7.1.1 Kesahan Muka	108
3.7.1.2 Kesahan Kandungan	109
3.7.2 Ujian Kenormalan	110
3.7.3 Analisis Faktor	114
3.7.4 Kebolehpercayaan Kajian	124
3.8 Tatacara Pengurusan Data	127
3.9 Tatacara Penganalisisan Data	128





3.9.1 Analisis Statistik Deskriptif	129
3.9.2 Analisis Statistik Inferensi	130
3.10 Rumusan	131

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	133
4.2 Analisis Mengikut Bahagian Borang Soal Selidik	134
4.2.1 Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden	136
4.2.1.1 Jantina	136
4.2.1.2 Pengalaman Menggunakan Telefon Pintar	137
4.2.1.3 Ahli Keluarga Yang Mempunyai Telefon Pintar	138
4.2.1.4 Telefon Pintar Siapa Yang Selalu Digunakan	139
4.2.1.5 Anggaran Tempoh Masa Menggunakan Telefon Pintar Dalam Sehari	140
4.2.1.6 Aktiviti Yang Dilakukan Menerusi Telefon Pintar	141
4.2.2 Bahagian B: Analisis Penggunaan Telefon Pintar Murid Tahun 6	143
4.2.3 Bahagian C: Analisis Prestasi Akademik Murid Tahun 6	147
4.3 Analisis Mengikut Persoalan Kajian	148
4.3.1 Persoalan Kajian 1	149
4.3.2 Persoalan Kajian 2	150
4.3.3 Persoalan Kajian 3	153
4.3.4 Persoalan Kajian 4	155
4.4 Rumusan	158





BAB 5 RINGKASAN, PERBINCANGAN, SUMBANGAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan	159
5.2 Ringkasan Kajian	160
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	161
5.3.1 Persoalan Kajian 1	161
5.3.2 Persoalan Kajian 2	165
5.3.3 Persoalan Kajian 3	167
5.3.4 Persoalan Kajian 4	169
5.4 Sumbangan Kajian	170
5.4.1 Pihak Kementerian Dan Badan Kerajaan	172
5.4.2 Sektor Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan	172
5.4.3 Pihak Sekolah	173
5.4.4 Ibu Bapa	173
5.5 Cadangan	174
5.5.1 Pihak Kementerian Dan Badan Kerajaan	174
5.5.2 Sektor Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan	177
5.5.3 Pihak Sekolah	178
5.5.4 Ibu Bapa	180
5.5.5 Penyelidikan Di Masa Akan Datang	183
5.6 Rumusan	185
RUJUKAN	187
LAMPIRAN	200





SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
2.1 Skala Gred Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS)	68
3.1 Kadar Penembusan Telefon Mudah Alih Bagi Setiap 100 Penduduk di Setiap Negeri	92
3.2 Bilangan Murid Sekolah Rendah Seluruh Negeri Perlis	95
3.3 Bilangan Sekolah Yang Dipilih Dari Setiap Kawasan	96
3.4 Kandungan Instrumen Kajian Mengikut Bahagian	100
3.5 Tafsiran Gred Purata Calon (GPC)	105
3.6 Bacaan nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	112
3.7 Bacaan nilai <i>KMO</i> dan <i>Barlett's Test</i>	120
3.8 Bacaan nilai <i>Total Variance Explained</i>	122
3.9 Bacaan nilai <i>Rotated Component Matrix</i>	123
3.10 Skala Tafsiran <i>Alpha Cronbach (α)</i>	126
3.11 Bacaan nilai <i>Reliability Statistics</i>	127
3.12 Pengujian Statistik Untuk Menjawab Persoalan Kajian	129
3.13 Interpretasi Skor Min Dan Tahap Penggunaan Telefon Pintar	130
3.14 Skala Pekali Korelasi	131
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	136





4.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Menggunakan Telefon Pintar	137
4.3	Taburan Responden Mengikut Milikan Telefon Pintar Dalam Kalangan Ahli Keluarga	138
4.4	Taburan Responden Mengikut Telefon Pintar Siapa Yang Selalu Digunakan	139
4.5	Taburan Responden Mengikut Anggaran Tempoh Masa Menggunakan Telefon Pintar Dalam Sehari	140
4.6	Taburan Responden Mengikut Aktiviti Yang Dilakukan Menerusi Telefon Pintar	141
4.7	Taburan Responden Dari Aspek Penggunaan Telefon Pintar	144
4.8	Taburan Prestasi Akademik Responden Berpandukan Bacaan Gred Purata Calon	147
4.9	Tahap Penggunaan Telefon Pintar Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	149
4.10	Tahap Kemenjadian Murid Sekolah Rendah Dari Aspek Akademik	151
4.11	Hubungan Antara Penggunaan Telefon Pintar Dengan Kemenjadian Murid Dari Aspek Akademik	154
4.12	Ringkasan Model Regresi	156





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
-----------	------------

1.1	Kerangka Kajian	12
2.1	Proses Penyebaran Inovasi	71
2.2	Pengelasan Tindak Balas Masyarakat Terhadap Sesebuah Inovasi	73
2.3	Kerangka Konsep PAK-21	79
2.4	Kerangka Konsep Kemenjadian Murid	81



3.1	Graf Boxplot	121
3.2	Graf Scree Plot	121
4.1	Aktiviti Yang Dilakukan Oleh Responden Menerusi Telefon Pintar	142





SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

EPRD	<i>Education Planning and Research Division</i>
GPC	Gred Purata Calon
JPNPs	Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NKRA	<i>National Key Results Areas</i>
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PNG	Purata Nilai Gred
PPSR	Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
UPSR	Ujian Penilaian Murid Sekolah Rendah
α	<i>Alpha Cronbach</i>
SD	Sisihan Piawai
P	Aras Signifikan
N	Jumlah Sampel
df	Darjah Kebebasan
>	Lebih Daripada
<	Kurang Daripada
%	Peratus





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Muka Surat

A	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	200
B	Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perlis	201
C	Borang Soal Selidik	202
D	Surat Akuan Kesahan Kajian Oleh Penilai Pakar	206
E	Output SPSS Bagi Kajian Rintis	209
F	Output SPSS Bagi Kajian Sebenar	220



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Mendepani zaman teknologi yang kian maju menyebabkan setiap lapisan individu tidak ketinggalan untuk memiliki sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar. Telefon pintar merupakan telefon bimbit yang dilengkapi dengan ciri pengkomputeran dan ketersambungan yang lebih maju dari telefon bimbit biasa (Siti Farizah, Nor Azah dan Nur Faiizah, 2017). Ahmad Muhyuddin, Mohd Nasir, Zulkiflee, Nasrul Hisham, Aminuddin, Nurizan dan Aidayu Delaila (2017), menyifatkan telefon bukan sahaja digunakan untuk menerima dan membuat panggilan malah mempunyai kegunaan pelbagai dengan dilengkapi kemudahan internet serta digunakan dalam pelbagai sektor termasuk dalam sektor perniagaan, kesihatan, sosial, sukan dan permainan serta pendidikan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan dan teknologi merupakan perkara yang tidak asing lagi. Kerajaan khususnya, telah melancarkan pelbagai program untuk mempromosi pendidikan yang berteraskan teknologi untuk mendepani revolusi industri. Sektor pendidikan merupakan antara tunjang utama dalam menentukan kemajuan sesuatu negara. Kemenjadian murid merupakan aspek yang paling penting dalam menilai kejayaan sesuatu pendidikan untuk memastikan setiap murid mempunyai keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kemenjadian murid terbahagi kepada tiga aspek iaitu akademik, kurikulum dan sahsiah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; Zuraida, 2013). Ketiga-tiga aspek ini penting untuk membentuk murid yang kreatif, berfikiran kritis, mampu berkomunikasi dengan baik dan berkepimpinan. Ciri-ciri ini juga penting dalam membentuk murid yang cemerlang seiring dengan saran kerajaan yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang bermatlamat untuk melengkapi setiap murid dengan kemahiran-kemahiran yang baharu untuk bersaing diperingkat global (Halimah, Eow & Chuah, 2013). Namun, proses pembentukan ini bukan semudah yang disangka. Pembentukan murid yang cemerlang dari segi akademik, kurikulum dan sahsiah tidak akan dapat dilaksanakan tanpa perancangan dan pelaksanaan sumber atau aktiviti yang sesuai untuk mereka. Selain daripada pembangunan aktiviti dan program yang sesuai, suasana persekitaran juga penting dalam mempengaruhi kemenjadian murid.

Arus pemodenan kini menyebabkan persekitaran setiap individu dikelilingi dengan inovasi dan teknologi. Telefon pintar merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam kehidupan seharian masa kini. Telefon pintar juga merupakan salah satu alat





pembelajaran mudah alih. Tidak dinafikan kewujudan teknologi seperti telefon pintar banyak membantu memudahkan kehidupan manusia dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan kerana banyak membantu guru dalam proses penyaluran ilmu pengetahuan kepada murid-murid. Proses pembelajaran menjadi lebih seronok dengan adanya pengalaman menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (Noor Aini, 2014). Penggunaan telefon pintar semakin meluas dari hari ke hari menyebabkan murid sekolah juga tidak ketinggalan untuk memiliki atau menggunakan telefon pintar untuk tujuan yang pelbagai bagi memudahkan urusan dalam kehidupan seharian. Pernyataan ini disokong oleh Muhamad Ihsan (2017) menyatakan pada era teknologi ini, gajet bukan sahaja satu keperluan malah menjadi keperluan utama bermula dari murid sekolah hingga peniaga dan sebagainya. Kenyataan ini juga sepandapat dengan kajian yang dilakukan oleh Shima Dyana dan Siti Marziah (2018) yang mendapati bahawa penggunaan gajet seperti tablet dan telefon pintar semakin menular di Malaysia bagi tujuan mendidik dan menenangkan anak. Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (2017) menegaskan individu yang berumur bawah 20 tahun berada di tangga paling tinggi menggunakan telefon pintar tetapi, ditangga ketiga tertinggi memiliki telefon pintar. Berdasarkan kenyataan ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa individu berumur bawah 20 tahun termasuk murid sekolah rendah banyak menghabiskan masa menggunakan telefon pintar yang dimiliki oleh individu lain seperti keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik. Menurut Ghazali dan Sufean (2016):





Fungsi atau peranan penyelidikan dalam bidang pendidikan sangat luas apatah lagi jika dikaitkan dengan disiplin-disiplin ilmu lain dalam kerangka pendidikan seperti ilmu psikologi, sosiologi, etnografi dan antropologi. Pendidikan berkait dengan isu dan permasalahan manusia yang terjadi dalam situasi sosial yang berkembang dan mencabar dalam konteks antara manusia dengan manusia. Oleh sebab itu pendidikan adalah suatu usaha dan proses menyelesaikan masalah-masalah manusia maka cara untuk menyelesaikan permasalahan tersebut memerlukan kajian dan penyelidikan untuk membuat keputusan yang bermakna.

Justeru, kajian ini dilakukan dengan matlamat untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian, menjalankan analisis deskriptif dan inferensi, meramal

dan menguji dapatan kajian secara statistik serta membuat telahan awal berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh. Skop kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas merupakan pemboleh ubah yang mempengaruhi atau boleh menjadi sebab berlakunya perubahan keatas pemboleh ubah bersandar manakala pemboleh ubah bersandar pula merupakan pemboleh ubah yang menjadi akibat atau wujud kerana dipengaruhi oleh pemboleh ubah bebas (Ghazali dan Sufean, 2016). Penggunaan telefon pintar merupakan pemboleh ubah bebas manakala kemenjadian murid dari aspek akademik merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kuantitatif dimana reka bentuk kajian lebih berstruktur, tetap, lebih formal dan terperinci dengan maklumat, jadual dan rajah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data adalah





dengan menggunakan kaedah tinjauan rentas (*cross-sectional survey design*) dan borang soal selidik berskala *Likert* empat mata. Borang soal selidik yang digunakan merupakan item soalan yang diadaptasi dari *Mobile Phone Problem Use Scale* (MPPUS-10) serta beberapa pengkaji lain mengikut kesesuaian untuk menjawab persoalan kajian. Penyelidikan ini dilakukan di Negeri Perlis dengan melibatkan sampel kajian seramai 420 orang murid tahun 6 sebagai responden kajian. Justifikasi pemilihan sampel kajian akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya. Data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 23. Dapatan analisis akan dibentangkan dalam bentuk jadual dan pelaporan akan dilakukan secara deskriptif dan inferensi berdasarkan nilai signifikan pada aras tertentu.



1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah semakin meluas. Teknologi yang membangun menyebabkan sektor pendidikan juga tidak boleh ketinggalan dalam arus pembangunan dan pemodenan. Menurut Salmah dan Malisah (2015) penggunaan teknologi membolehkan murid meneroka ilmu pengetahuan tanpa batasan. Hasanuddin, Norfaizuryna dan Nor Azzarahaton (2015) menambah lagi bahawa kemunculan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan dapat menarik minat murid-murid untuk mencari maklumat tambahan untuk proses pembelajaran. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Jamiah, Mohd Rezal, Aizan Sofia, Nurul Nabila, Fazilah, Salasiah Hanin, Noordeyana, Arena, Norul Huda, Salina dan Nor Jana (2016) mendapati penggunaan telefon pintar dan lain-lain alat teknologi





memberikan kesan yang positif lebih-lebih lagi untuk tujuan berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga, mengetahui perkembangan terkini, mempelajari perkara baru, mencambah pemikiran, bakat dan minat serta menjimatkan kos untuk berhubung.

Walaubagaimanapun, persoalan yang menjadi tanda tanya dan perdebatan hingga kini adalah sejauh mana penggunaan telefon pintar yang fungsinya untuk memudahkan urusan kehidupan yang pelbagai, dapat memberikan kesan yang positif terhadap kemenjadian murid sekolah khususnya dari aspek akademik? Untuk melahirkan generasi yang berkualiti, kanak-kanak perlu dibentuk dan diasuh dengan pendidikan yang berkualiti supaya mereka dapat meneroka ilmu-ilmu yang bermanfaat untuk masa depan kelak. Kehadiran telefon pintar yang dikatakan mempunyai kepelbagaian fungsi yang dapat memudahkan kehidupan sehari-hari tidak

begitu terkesan kepada murid sekolah. Ibu bapa cenderung untuk meyerahkan tugas-tugas sekolah kepadanya tanpa mengawal dan menjaga anak kepada peranti teknologi seperti telefon pintar (Salmah dan Malisah, 2015). Secara tidak langsung, perkara ini merupakan peluang yang ditunggu-tunggu oleh anak-anak yang lebih melihat telefon sebagai medium untuk mendapatkan hiburan daripada meneroka ilmu dan informasi dalam laman sesawang. Kesannya, sedikit demi sedikit risiko penggunaan peranti tersebut akan memberi kesan kepada anak-anak secara tidak langsung.


Kenyataan ini disokong oleh kajian Sundus (2018), menambah lagi bahawa penggunaan gajet mampu meminimumkan penggunaan anggota badan seterusnya menyebabkan perkembangan terbantut dan memberi impak negatif terhadap pencapaian akademik dan literasi apabila mereka menggunakan aktiviti tangan untuk menyentuh paparan skrin pada telefon pintar hingga kurang melatih otot tangan untuk





memegang pensel. Kesannya, otot tangan akan menjadi lemah kerana tiada rangsangan dan latihan untuk melakukan aktiviti menulis di atas kertas. Hal ni, menyebabkan murid lambat untuk menguasai kemahiran menulis seterusnya mengganggu perkembangan akademik mereka.

Tambahan lagi, kajian yang dilakukan oleh Aznan (2017) berkenaan pengembangan idea mengenai fenomena anak-anak yang obses terhadap teknologi dan keseronokan bermain permainan mudah alih mendapati fenomena penggunaan teknologi tanpa kawalan berisiko menjadikan aspek-aspek kehidupan mereka sehingga mereka mengabaikan kerbersihan diri dan penjagaan makan. Hal ini menyebabkan badan mereka susut, mengalami keletihan melampau seterusnya menggganggu pola tidur dan akhirnya menyebabkan mereka sukar memberi perhatian

ketika guru mengajar dan akhirnya memungkinkan prestasi pelajaran mereka merosot.

Pendapat ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Naquiah, Sahrunizam, Dharsigah, Nurhidayu & Abdul Hafiz (2018) yang mendapati pendedahan teknologi moden berupaya menyebabkan perkembangan dan tumbesaran otak terganggu dan seterusnya menyebabkan perkembangan akademik akan turut terganggu sekaligus dapat menghakis minat murid untuk hadir ke sekolah. Hal ini dapat dibuktikan dengan meningkatnya kes ponteng sekolah hingga memaksa Raja Muda Perlis menitah supaya semua pihak memainkan peranan untuk menghapuskan isu ponteng sekolah.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menegaskan,

Beta mahu semua pihak mengambil langkah dan tindakan proaktif malah hendaklah bertindak dengan terancang supaya matlamat kita tercapai. Kawasan-kawasan ‘hitam’ yang sering menjadi lokasi ponteng pelajar





hendaklah dipantau habis-habisan secara bersepada. (Muhammad Ekmal Hakim, 2017).

Shima Dyana dan Siti Marziah (2018) menyokong isu ini apabila mendapati penggunaan teknologi seperti gajet juga turut memberi kesan negatif kepada kesihatan dan perkembangan kognitif serta sosial murid apabila mereka menjadi ketagih. Lebih menyedihkan lagi apabila kajian yang dijalankan oleh Naquiah, Sahrunizam, Dharsigah, Nurhidayu dan Abdul Hafiz (2018) menyatakan bahawa di Malaysia, sembilan daripada sepuluh kanak-kanak telah dipengaruhi pengalaman negatif sewaktu melayari internet. Kenyataan ini disokong menerusi kajian yang dijalankan oleh Azizi, Ismail dan Voo (2018) serta Wan Anita dan Azizah (2013) yang menyatakan kebanyakan kelakukan agresif dan liar yang ditayangkan menerusi media



dapat dibuktikan melalui teori *General Aggression Model* (GAM) yang menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja terdedah melakukan tingkah laku yang agresif kerana terdedah dengan persekitaran dan juga media yang berunsur ganas secara berulang-ulang (Anderson dan Dill, 2000). Ini secara tidak langsung akan mengundang pelbagai kes salah laku disiplin dalam kalangan murid sekolah termasuklah buli, pornografi dan sebagainya sekiranya penggunaan gajet ini terus-menerus digunakan tanpa pemantauan ibu bapa.

Perkara lain yang memburukkan lagi keadaan adalah apabila terdapat

segelintir ibu bapa yang membenarkan anak-anak yang masih dibangku sekolah untuk memiliki telefon pintar sendiri dengan menggunakan kad pengenalan ibu bapa atau ahli keluarga yang melepassi had umur untuk membeli pek sim. Suruhanjaya





Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2018) menegaskan bahawa penyedia perkhidmatan telekomunikasi atau wakilnya hanya dibenarkan untuk melakukan pendaftaran kad sim kepada individu yang berusia 12 tahun keatas sahaja. Ini bermakna individu berusia bawah 12 tahun tidak dibenarkan untuk memiliki telefon pintar sendiri atau membeli pek sim atas nama sendiri disebabkan faktor had umur. Selain itu, terdapat juga sebilangan kanak-kanak yang tidak mempunyai telefon pintar sendiri tetapi menggunakan telefon pintar ibu bapa atau penjaga untuk bermain permainan video, melayari internet atau bersosial dalam aplikasi telefon pintar. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Salmah dan Malisah (2015) yang menyatakan, ibu bapa pada masa kini lebih cenderung untuk menyerahkan urusan menjaga anak kepada peranti teknologi. Mereka berpendapat peranti teknologi seperti telefon pintar mampu membuat anak-anak diam tanpa mengganggu urusan ibu bapa.



Terdapat juga ibu bapa yang kadang berbangga apabila anak-anak mampu meneroka peranti teknologi seperti telefon pintar dengan sendiri tanpa meletakkan kegusaran tentang akibat yang mungkin terjadi pada anak-anak tersebut.

Kemusykilan yang masih menjadi tanda tanya adalah kewujudan kemudahan teknologi banyak membantu ke arah perkembangan dan pembentukan pelajar yang positif atau sebaliknya? Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan kepastian tentang senario sebenar mengenai pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah. Kajian ini hanya tertumpu kepada kemenjadian murid sekolah dari aspek akademik sahaja iaitu melibatkan pengukuran prestasi akademik untuk mengukur kemenjadian murid dari aspek akademik. Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa masih kurang kajian dijalankan berkaitan pengaruh telefon pintar terhadap prestasi akademik murid sekolah rendah di Malaysia.





Kebanyakan pengkaji lebih tertumpu untuk meneliti pengaruh penggunaan telefon pintar di institut-institut pengajian tinggi, kolej-kolej swasta dan sekolah menengah sahaja sedangkan murid sekolah rendah juga didedahkan dengan penggunaan telefon pintar. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian ini dengan melibatkan murid sekolah rendah iaitu terdiri daripada murid tahun 6 sebagai responden kajian. Justifikasi bagi setiap pemilihan akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini jalankan untuk melihat pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik. Tujuan khusus



1. Mengenal pasti tahap penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah rendah di Negeri Perlis.
2. Mengenal pasti tahap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis.
3. Mengenal pasti hubungan antara penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis.
4. Mengenal pasti sejauh mana pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis.





1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah rendah di Negeri Perlis?
2. Apakah tahap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis?
4. Sejauh manakah penggunaan telefon pintar mempengaruhi kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis?



1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik mengemukakan beberapa hipotesis kajian. Berdasarkan tujuan dan persoalan kajian, penyelidik telah menyenaraikan hipotesis nul dalam kajian ini iaitu:


H_01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis.

H_02 : Penggunaan telefon pintar tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis.



1.7 Kerangka Kajian

Camp (2001) menerangkan kerangka konseptual sebagai sebuah kerangka yang dibina untuk menerangkan proses dan pemahaman dalam sesuatu kajian dengan disokong oleh konsep dan teori penting yang menggambarkan kajian (Dickson, Emad Kamil and Joe, 2018). Berikut dinyatakan kerangka kajian yang mendasari kajian ini:



Rajah 1.1. Kerangka Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan sebuah kerangka yang dibina oleh penyelidik untuk menggambarkan perihal kajian yang dilakukan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik di Negeri Perlis. Oleh itu, perkara yang diukur dalam kajian ini adalah penggunaan telefon pintar iaitu merupakan pemboleh ubah bebas dan kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik sebagai pemboleh ubah



bersandar. Telefon pintar hanya sebagai peranti teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan untuk mengkaji kemenjadian murid sekolah rendah dalam kajian ini.

Disamping itu, bagi pengukuran pemboleh ubah bebas iaitu penggunaan telefon pintar, penyelidik telah mengenal pasti melalui analisis faktor bahawa terdapat dua konstruk untuk mengukur pemboleh ubah ini. Kedua-dua konstruk tersebut adalah pengawalan penggunaan telefon pintar dan risiko penggunaan telefon pintar. Perbincangan yang lebih lanjut mengenai pembinaan item soalan dalam pengukuran penggunaan telefon pintar dinyatakan dalam bahagian yang seterusnya. Seterusnya, bagi pengukuran pemboleh ubah bersandar iaitu kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik, penyelidik menggunakan keputusan peperiksaan terkini responden kajian yang telah dimuat turun dari Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah



(SAPS) iaitu sebuah sistem yang digunakan untuk mengendalikan perihal peperiksaan bagi murid sekolah dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, penyelidik telah mengenal pasti dua teori yang mendasari kajian ini iaitu Teori Penyebaran Inovasi dan Teori *Task-Technology Fit* (TTF). Perbincangan yang lebih lanjut mengenai implikasi kedua-dua teori ini dibincangkan dengan lebih mendalam pada bahagian seterusnya.

1.8 Kepentingan Kajian

Menurut Ghazali dan Sufean (2016), kepentingan kajian merupakan jangkaan hasil kajian yang diselaraskan dengan objektif kajian, persoalan kajian serta huraihan bagaimana hasil kajian dapat memberi manfaat kepada orang lain merangkumi





pelbagai urusan dalam sesuatu bidang. Maka dengan itu, penyelidik berpendapat kajian yang akan dijalankan penting bagi mengetahui pengaruh penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik. Kajian ini diharapkan dapat menjawab perbezaan pendapat dalam kalangan masyarakat yang sebahagiannya menyatakan telefon pintar membawa kesan positif terhadap perkembangan murid manakala sebahagian lagi menyokong bahawa telefon pintar banyak memberi kemudaratana kepada murid sekolah rendah. Walaupun kajian ini bukan sebuah kajian yang spesifik mengenai penggunaan teknologi pengajaran namun kajian ini secara tidak langsung menyediakan dapatan berkaitan dengan kesan pengaplikasian teknologi dalam perkembangan murid masa kini sekaligus dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak untuk menjangkakan usaha dan inovasi untuk memajukan pendidikan sebagai sebuah bidang yang unggul. Kajian ini akan



meneliti tahap penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah rendah di Negeri Perlis dan pengaruhnya terhadap kemenjadian murid dari aspek akademik.

Justeru kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat yang berguna kepada pelbagai pihak seperti berikut:

1.8.1 Pihak Kementerian Dan Badan Kerajaan

Teknologi dalam pendidikan penting untuk mencambah pemikiran murid dengan menggunakan daya kreativiti masing-masing, tetapi jika lebih banyak mendatangkan kemudaratana, pihak kerajaan harus memikirkan langkah yang lebih telus dan terurus dalam merancang pendidikan berteraskan teknologi kepada murid. Menurut Nor Fauzian dan Fauziah Hanim (2015), pembentukan kehidupan seseorang





haruslah melalui pendidikan dan dilakukan diperingkat kanak-kanak lagi untuk melahirkan generasi yang seimbang dan cemerlang akhlak serta ilmu untuk menerajui negara di masa hadapan.

1.8.2 Sektor Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Selain itu, kajian ini secara tidak langsung sebenarnya dapat memberi peluang kepada agensi swasta dan badan bukan kerajaan untuk menghasilkan idea-idea dan inovasi yang bernes untuk mentrasformasikan pendidikan. Hal ini kerana sektor swasta dan badan kerajaan merupakan pendukung kepada aspirasi kerajaan untuk menjadikan taraf pendidikan di Malaysia berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan

pendidikan di negara-negara maju yang lain seperti yang digariskan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Puan Teo Ni Ching yang menegaskan bahawa usaha

pihak swasta dan NGO untuk membantu bidang pendidikan harus dilakukan secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran guru dan pelajar serta membantu membangunkan infrastruktur sekolah ke arah yang lebih baik (Tuty Haryanti, 2019).

1.8.3 Pihak Sekolah

Seterusnya, kajian ini diharapkan dapat memberi input berguna kepada pihak sekolah termasuk barisan pentadbir dan guru-guru dalam usaha membentuk pelajar yang berpengetahuan luas dan berakhlik mulia. Hasil penyelidikan ini akan membantu pihak sekolah untuk merancang program yang sewajarnya untuk mendidik murid-





murid sekolah rendah. Murid sekolah rendah merupakan anak-anak yang perlu bimbingan, kasih sayang dan motivasi dalam meniti perasaan ingin tahu semasa usia kecilnya. Justeru bimbingan yang berterusan dan berkesan adalah penting untuk diberikan kepada setiap murid untuk melengkapinya perkembangan zaman kanak-kanak mereka. Barisan pentadbir sekolah haruslah bijak dalam mengatur program yang ideal untuk murid sekolah rendah seiring dengan perkembangan kognitif dan teknologi di zaman mereka. Program yang akan dibangunkan haruslah mempunyai nilai-nilai murni yang boleh membentuk murid tersebut mengaplikasikan kemahiran teknologi ke arah yang lebih positif supaya dapat melahirkan murid yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.



Seterusnya, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada ibu bapa. Ibu bapa adalah guru pertama untuk anak-anak. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa supaya lebih cakna dan prihatin dengan aktiviti dan perubahan sikap anak-anak. Menerusi kajian ini, ibu bapa dapat mengetahui tahap penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak-anak dan menjangkakan kemudaratan daripada peranti tersebut dalam jangka panjang. Ibu bapa seharusnya tidak menyerahkan tugas mendidik anak kepada pihak sekolah semata-mata. Ibu bapa harus bijak dan tegas dalam mendisiplinkan anak-anak lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman teknologi yang kian maju. Ibu bapa seharusnya tidak menjadikan faktor generasi sebagai cabaran utama dalam mengasuh anak-anak. Seharusnya perbezaan zaman antara anak-anak dan ibu bapa dijadikan sebagai kayu





ukur untuk ibu bapa belajar lebih lagi untuk membentuk anak-anak yang berakhhlak mulia dan berintelektual. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti yang dianjurkan sekolah harus diperkasakan supaya dapat meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka.

1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan definisi bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian yang dipetik dari pelbagai sumber. Definisi operasional mengenai konsep yang digunakan dinyatakan mengikut kerelevanannya dalam kajian ini.



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pengaruh didefinisikan sebagai kuasa yang terbit daripada orang, benda dan lain-lain ke atas orang, benda dan lain-lain atau kekuatan batin (ghaib) yang meninggalkan kesan kepada orang lain. Bagi kajian ini, pengaruh yang dimaksudkan merujuk kepada kesan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini iaitu penggunaan telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik.





1.9.2 Definisi Penggunaan

Penggunaan didefinisikan sebagai perbuatan, usaha, kegiatan dan sebagainya untuk menggunakan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Abd Ghani (2003), mendefinisikan penggunaan dari segi bahasa sebagai guna atau pakai manakala dari segi istilah sebagai perlakuan mengguna barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa. Dalam konteks kajian ini, penggunaan merujuk kepada perbuatan menggunakan telefon pintar untuk memenuhi keperluan semasa bagi murid tahun 6 iaitu responden murid sekolah rendah dalam kajian ini.

1.9.3 Definisi Telefon Pintar



Siti Farizah, Nor Azah dan Nur Faiizah (2017), mendefinisikan telefon pintar sebagai telefon bimbit yang memiliki ciri pengkomputeran dan ketersambungan. Mohamed Nazrul, Ellyza, Manisah, Normah dan Haliza (2014) pula mendefinisikan telefon pintar sebagai telefon bimbit yang mempunyai kelengkapan teknologi canggih yang menghubungkan jaringan untuk komuniti. Salmah dan Malisah (2015), menyatakan telefon pintar merupakan telefon yang memiliki sistem operasi dan fungsi seperti komputer mini tetapi dalam kapasiti sebuah telefon. Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan telefon pintar sebagai telefon bimbit yang memiliki ciri, sistem dan fungsi pengkomputeran yang hampir sama seperti komputer serta mempunyai kegunaan yang pelbagai untuk memudahkan urusan kehidupan sehari-hari. Telefon pintar yang dirujuk dalam kajian ini adalah telefon pintar yang digunakan oleh murid





sekolah rendah atau telefon pintar yang dapat diakses oleh murid sekolah rendah untuk tujuan yang pelbagai.

1.9.4 Definisi Penggunaan Telefon Pintar

Penggunaan telefon pintar merujuk kepada usaha atau perbuatan menggunakan telefon pintar untuk memenuhi keperluan semasa. Dalam kajian ini penggunaan telefon pintar yang diuji adalah penggunaan telefon pintar yang digunakan dan diakses oleh murid tahun 6 yang dipilih sebagai responden kajian. Penggunaan telefon pintar yang dimaksudkan termasuklah penggunaan telefon pintar yang dimiliki sendiri oleh responden kajian dan juga telefon pintar yang bukan dimiliki oleh responden tetapi digunakan atau diakses oleh responden. Telefon pintar ini termasuklah telefon pintar yang dimiliki oleh ahli keluarga dan juga rakan-rakan responden.

1.9.5 Definisi Pengaruh Penggunaan Telefon Pintar

Bagi kajian ini pengaruh penggunaan telefon pintar merujuk kepada kesan yang dialami oleh responden kajian iaitu murid tahun 6 apabila menggunakan telefon pintar untuk pelbagai urusan dalam kehidupan seharian. Pengaruh penggunaan telefon pintar merupakan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini dan hubungan serta pengaruhnya akan diuji keatas kemenjadian murid dari aspek akademik.





1.9.6 Definisi Kemenjadian Murid

Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) ada mendefinisikan kemenjadian murid sebagai keupayaan murid yang terhasil dari penambahan ilmu, penguasaan kemahiran yang meliputi kemahiran insaniah, kompetitif dan teknik secara inovatif dan kreatif, penambahbaikan sikap, etika dan nilai murni, peningkatan sahsiah dan kecerdasan yang meliputi pembangunan kebijaksanaan, kecerdasan akal, emosi, spiritual serta kecerdasan fizikal. Kemenjadian murid merangkumi tiga aspek iaitu kurikulum, kokurikulum dan sahsiah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; Zuraida, 2013). Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (2012) mendefinisikan kemenjadian murid sebagai hasil atau rupa bentuk insan iaitu hasil didikan sama ada menjadi sempurna, kurang sempurna atau tidak menjadi langsung. Sementara itu, Mohd Asran (2011) berpendapat kemenjadian murid merupakan indikator penerimaan ilmu yang dapat diukur secara berterusan melalui perubahan tingkah laku murid hingga akhir tempoh persekolahan.

1.9.7 Definisi Akademik

Akademik merujuk kepada sesuatu yang bersifat atau mengenai ilmu pengetahuan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Bagi kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang diukur adalah melibatkan prestasi akademik iaitu prestasi akademik murid tahun 6. Prestasi akademik murid tahun 6 diukur dengan menggunakan bacaan Gred Purata Calon yang dimuat turun dari Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) iaitu





sebuah sistem yang digunakan oleh sekolah-sekolah dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.9.8 Definisi Kemenjadian Murid Sekolah Rendah Dari Aspek Akademik

Kemenjadian murid dari aspek akademik merupakan salah satu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur kemenjadian murid. Selain pengukuran dari aspek kurikulum dan aspek sahsiah, pengukuran dari aspek akademik juga amat penting untuk menentukan kemenjadian murid. Dalam konteks kajian ini, kemenjadian murid dari aspek akademik merujuk kepada prestasi seseorang murid dari aspek akademik. Prestasi akademik murid dinilai berdasarkan Gred Purata Calon (GPC) yang dimuat

turun dari Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) iaitu sebuah sistem yang digunakan oleh sekolah-sekolah dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi kajian ini, analisis untuk mengelaskan kemenjadian seseorang murid dari aspek akademik adalah berpandukan lima peringkat Gred Purata Calon (GPC) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan kekangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang proses menjalankan kajian. Penyelidik telah mengenal pasti beberapa perkara yang menjadi batasan dalam melaksanakan kajian ini seperti berikut:





1.10.1 Batasan Dari Aspek Kaedah Kajian

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan secara *single study* atau lebih dikenali sebagai *monomethods* iaitu penyelidikan ini terbatas dengan hanya menjalankan penyelidikan berdasarkan kuantitatif. Terdapat jenis penyelidikan lain yang dikenali sebagai penyelidikan kaedah gabungan atau campuran (*mixed-methods*). Penyelidikan jenis ini membolehkan penyelidik menggabungkan kedua-dua jenis penyelidikan kuantitatif dan kualitatif secara serentak untuk memantapkan laporan kajian.

Selain itu, kaedah kajian yang digunakan merupakan kaedah tinjauan yang berbentuk kajian tinjauan rentas (*cross-sectional survey design*). Penyelidik hanya mendapatkan data daripada responden kajian sekali sahaja dan kaedah ini bertentangan dengan kaedah tinjauan berulang (*longitudinal survey design*) iaitu kaedah tinjauan yang melibatkan pengumpulan data dari responden kajian lebih dari satu kali.

1.10.2 Batasan Dari Aspek Persampelan Kajian

Persampelan kajian dilakukan dengan menggunakan persampelan rawak berstrata untuk menjimatkan masa dan kos kajian. Proses persampelan juga terbatas kepada 15 buah sekolah rendah kebangsaan sekitar Negeri Perlis sahaja. Justifikasi pemilihan Negeri Perlis akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab yang seterusnya. Selain itu, penyelidik juga tidak ada mengemukakan perbezaan persampelan





berdasarkan lokaliti iaitu merujuk kepada kawasan bandar dan luar bandar bagi kajian ini kerana terdapat kekangan masa dan kos.

1.10.3 Batasan Dari Aspek Pelaporan Kajian

Pelaporan dalam kajian ini hanya melibatkan penemuan dan dapatan yang diperoleh dari borang soal selidik yang diedarkan sahaja. Penyelidik tidak melakukan pemerhatian kepada amalan sebenar yang dilakukan oleh sampel kajian iaitu murid sekolah rendah yang menggunakan telefon pintar. Maklumat yang diperoleh juga terbatas kepada kesungguhan responden untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik dengan jujur. Penyelidikan ini hanya melaporkan maklumat yang terlibat secara langsung yang diberikan oleh responden semasa menjawab soalan dalam

borang soal selidik sahaja.

Selain itu, dapatan yang merujuk kepada kemenjadian murid dalam penyelidikan ini hanya terbatas kepada murid yang terlibat dalam kajian ini sahaja iaitu sampel murid tahun 6 di sekolah-sekolah rendah sekitar Negeri Perlis. Oleh itu, istilah kemenjadian murid dalam kajian ini tidaklah bermaksud mewakili kemenjadian murid sekolah rendah bagi seluruh Malaysia secara seratus peratus.





1.10.4 Batasan Dari Aspek Penggunaan Telefon Pintar

Pelaporan berkaitan penggunaan telefon pintar hanya melibatkan pengalaman responden sepanjang menggunakan telefon pintar sahaja. Oleh itu, setiap responden akan mempunyai pengalaman yang berbeza dari segi tempoh masa penggunaan telefon pintar semasa usia mereka. Penggunaan telefon pintar yang dikaji dalam kajian ini juga terbatas kepada jenis dan model telefon pintar yang dapat diakses oleh responden kajian sahaja iaitu murid tahun 6 yang terdiri dalam kalangan 15 buah sekolah rendah kebangsaan yang terpilih di Negeri Perlis. Telefon pintar yang dapat diakses oleh responden kajian termasuklah telefon pintar yang dimiliki oleh responden, lingkungan ahli keluarga responden atau lingkungan rakan-rakan responden. Penyelidik tidak menyediakan kemudahan telefon pintar kepada responden kajian untuk menjalankan penyelidikan ini.



1.11 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk meneliti pengaruh penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah rendah terhadap kemenjadian murid dari aspek akademik. Kemenjadian murid dari aspek akademik dalam kajian ini akan diukur menggunakan Gred Purata Calon (GPC) yang dimuat turun oleh guru kelas dari Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) iaitu sebuah perisian yang digunakan oleh sekolah-sekolah rendah kebangsaan dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengendalikan maklumat keputusan peperiksaan murid sekolah rendah. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan





menggunakan kaedah tinjauan rentas dan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat daripada responden kajian. Responden kajian terdiri daripada murid tahun 6 yang dipilih secara persampelan rawak berstrata dalam kalangan 15 buah sekolah rendah di Negeri Perlis. Perbincangan dengan lebih lanjut mengenai justifikasi pemilihan setiap perkara dalam kajian ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya. Hasil kajian dapat merungkaikan perdebatan mengenai pengaruh telefon pintar terhadap kemenjadian murid sekolah rendah dari aspek akademik. Penyelidik berharap penulisan dan dapatan kajian dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak pada masa akan datang.

